

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 38

## IHP dijangka lebih rendah tahun ini

Inflasi harga makanan global menurun, kos baja dan makanan ternakan makin stabil

# IHP dijangka lebih rendah tahun ini


**PETALING JAYA** – Maybank Investment Bank (IB) menjangkakan Indeks Harga Pengguna (IHP) bulanan akan menyederhana kepada bawah tiga peratus pada separuh tahun kedua 2023.

Katanya dalam nota kajian yang diterbitkan semalam, pihaknya mengekalkan unjuran inflasi pada tiga peratus tahun ini dan 2.5 peratus untuk tahun 2024 buat masa ini.

"Ia berdasarkan andaian bahawa tiada sebarang perubahan, atau lebih kejelasan dalam polisi kerajaan berhubung rasionalisasi subsidi, terutamanya berhubung langkah untuk beralih daripada subsidi untuk semua kepada subsidi secara lebih bersasar.

"Ketika inflasi menurun, Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75 peratus, namun kami percaya masih terdapat ruang untuk kenaikan OPR yang selanjutnya," katanya.

Jabatan Perangkaan minggu lalu mengumumkan inflasi kese-



INFLASI makanan dan minuman bukan alkohol antara isu yang mendapat perhatian kerajaan. – GAMBAR HIASAN

luruhan bagi tahun 2022 pada 3.3 peratus, berbanding 2.5 peratus pada 2021.

Maybank IB menambah, se-

cara keseluruhan, inflasi makanan dan minuman bukan alkohol meningkat kepada 5.9 peratus pada 2022 (2021: 1.8 pe-

ratus) untuk menyumbang 49.2 peratus daripada IHP, berbanding 20.9 peratus pada 2021.

Jelasnya, ia merupakan kom-

ponen utama IHP untuk diperhatikan, ketika inflasi harga makanan global telah berkurangan, manakala kos baja dan makanan ternakan semakin stabil meskipun kekal tinggi.

"Sementara itu, inflasi pengangkutan secara relatifnya stabil pada 4.9 peratus Disember lalu, sebahagiannya disebabkan kesan asas semakin berkurangan daripada inflasi pengangkutan yang tinggi pada 2021.

"Kos pengangkutan berada dalam deflasi pada Mac 2020 hingga Februari 2021, mengakibatkan inflasi pengangkutan sebanyak dua digit bagi kebanyakan bulan tahun 2021.

"Kos perkhidmatan pengangkutan pula melonjak 17.8 peratus pada Disember 2022, terutamanya disebabkan lonjakan dalam 'pengangkutan penumpang melalui udara' yang meningkat sebanyak 41.1 peratus tahun ke tahun semasa permintaan percutian dan perjalanan yang tinggi bulan lalu," katanya.